

Najib rayu keputusan batal saman terhadap Tommy

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Tun Razak memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membatalkan samannya terhadap bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas.

Peguam, Yudistra Darma Dorai yang mewakili bekas Perdana Menteri itu ketika mengesahkan perkara tersebut memaklumkan notis rayuan difailkan pada 22

Disember lalu.

Perkara sama turut disahkan oleh peguam Mervyn Lai yang mewakili Tommy dan menyatakan tarikh pengurusan kes itu belum ditetapkan oleh Mahkamah Rayuan.

Pada 25 November lalu, Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Datuk Ahmad Bache membatalkan saman tersebut selepas membenarkan permohonan

Tommy setelah mendapati saman itu tidak boleh dipertahankan kerana remeh, menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Katanya, Tommy ketika itu adalah peguam kerajaan yang menjalankan kuasanya dengan bebas berdasarkan Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan dan mempunyai kuasa budi bicara yang luas untuk menjalan-

Ulu- 29/12/2022 w/d/12

kan pendakwaan.

Najib memfailkan saman itu pada 22 Oktober 2021 dan mendakwa pertuduhan terhadapnya adalah sebahagian daripada perbuatan yang dirancang oleh Tommy dan ia selaras dengan rancangan kerajaan Pakatan Harapan (PH) ketika itu.

Oleh itu, Najib menuntut ganti rugi RM1,941,988 iaitu kos yang terpaksa ditanggung

akibat pendakwaan seperti bayaran rundingan pasukan audit untuk semakan dokumentasi.

Tommy dan kerajaan pula melalui notis difailkan pada 18 November 2021 memohon mahkamah batalkan saman berkenaan dengan alasan jika diteruskan akan menyebabkan kes jenayah Najib yang sedang dibicarakan di Mahkamah Tinggi tergendala.